

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan laporan bahawa Kementerian Pertahanan akan membeli aset melalui barter trade dengan minyak kelapa sawit. Negara mana yang telah setuju untuk berurus niaga dengan barter trade dan apakah aset-aset pertahanan yang boleh didapati menerusi cara tersebut.

**JAWAPAN**

Setakat ini, cadangan sistem barter bagi tujuan perolehan aset-aset pertahanan telah dimaklumkan kepada beberapa negara seperti Rusia, China, Iran dan Pakistan. Pada masa ini, kaedah sistem barter yang dicadangkan masih belum dapat direalisasikan dan Kerajaan sentiasa terbuka dalam membincangkan pembelian aset-aset pertahanan dengan mana-mana negara yang berminat. Kementerian juga sedang mengkaji inisiatif pembelian aset melalui mekanisme sistem barter dengan minyak sawit.

Mekanisme perolehan secara sistem barter ini memerlukan kerjasama dan penglibatan secara langsung beberapa kementerian seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Kementerian Industri Utama.